



11 September 2020
11 September 2020
P.U. (B) 462

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**NOTIS PERMULAAN PENYIASATAN PERLINDUNGAN
BAGI PENENTUAN AWAL MENGENAI KELUARAN
JUBIN LANTAI DAN DINDING SERAMIK
YANG DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA**

***NOTICE OF INITIATION OF SAFEGUARD INVESTIGATION
FOR A PRELIMINARY DETERMINATION WITH REGARD
TO CERAMIC FLOOR AND WALL TILES PRODUCTS
IMPORTED INTO MALAYSIA***

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PELINDUNG 2006

NOTIS PERMULAAN PENYIASATAN PERLINDUNGAN BAGI PENENTUAN AWAL
MENGENAI KELUARAN JUBIN LANTAI DAN DINDING SERAMIK
YANG DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA

(SM 01/20)

BAHAWASANYA, menurut perenggan 10(a) Akta Pelindung 2006 [*Akta 657*] dan peraturan 3 Peraturan-Peraturan Pelindung 2007 [*P.U. (A) 386/2007*], Kerajaan Malaysia telah menerima suatu petisyen yang meminta supaya suatu penyiasatan perlindungan dimulakan dan petisyen itu telah mengatakan bahawa peningkatan import keluaran jubin lantai dan dinding seramik ke dalam Malaysia sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 2 telah menyebabkan kemudaratan yang serius kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Kerajaan Malaysia memberikan notis bahawa Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk memulakan penyiasatan perlindungan bagi penentuan awal dibuat menurut subseksyen 20(1) Akta Pelindung 2006 (dalam notis ini disebut “penyiasatan”).

Petisyen bagi permulaan penyiasatan

1. Petisyen bagi permulaan penyiasatan itu telah dikemukakan oleh—

Federation of Malaysian Manufacturers – Malaysian Ceramic Industry Group
Wisma FMM
No. 3, Persiaran Dagang
PJU 9, Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur
Malaysia,

bagi pihak industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa.

Keluaran yang disiasat

2. Keluaran yang disiasat ialah jubin lantai dan dinding seramik yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan ("Kod H.S.") dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN ("AHTN") 6907.21.21 00, 6907.21.23 00, 6907.21.91 00, 6907.21.93 00, 6907.22.11 00, 6907.22.13 00, 6907.22.91 00, 6907.22.93 00, 6907.23.11 00, 6907.23.13 00, 6907.23.91 00 dan 6907.23.93 00 (dalam notis ini disebut "keluaran"). Kod H.S. dan AHTN ini diberikan hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan keluaran itu.

Ringkasan peningkatan import keluaran

<i>Tempoh</i>	<i>Import (meter persegi (m²))</i>
1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017	27,943,593m ²
1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018	31,641,383m ²
1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019	29,247,916m ²

3. Import keluaran itu ke dalam Malaysia telah meningkat sebanyak 13.23% daripada 27,943,593m² bagi tempoh mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 kepada 31,641,383m² bagi tempoh mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018 dan telah meningkat sebanyak 4.67% daripada 27,943,593m² bagi tempoh mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 kepada 29,247,916m² bagi tempoh mulai 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019. Sebagai tambahan, import keluaran itu telah meningkat sebanyak 55.8% daripada 5,377,127m² dalam tempoh suku pertama tahun 2019 kepada 8,378,218m² dalam tempoh suku keempat tahun 2019.

<i>Tempoh</i>	<i>1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017</i>	<i>1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018</i>	<i>1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019</i>
Pengeluaran dalam negeri (indeks)	100	95	74
Import (m ²)	27,943,593m ²	31,641,383m ²	29,247,916m ²
% import relatif kepada pengeluaran dalam negeri (indeks)	100	119	142

4. Import keluaran itu ke dalam Malaysia telah meningkat secara relatif sebanyak 19 mata bagi tempoh mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 sehingga tempoh mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018 dan selepas itu telah meningkat sebanyak 42 mata bagi tempoh mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 sehingga tempoh mulai 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019. Sebagai perbezaan indeks pengeluaran dalam negeri telah menurun daripada 100 mata bagi tempoh mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 kepada 95 mata bagi tempoh mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018. Indeks pengeluaran dalam negeri juga telah mencatatkan penurunan sebanyak 74 mata bagi tempoh mulai 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017 sehingga tempoh mulai 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019.

Ringkasan pengataan faktor bagi kemudaratan yang serius

5. Petisyen yang dikemukakan oleh pempetisyen telah menunjukkan bahawa peningkatan import keluaran itu telah menyebabkan kemudaratan yang serius kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa sebagaimana yang ditunjukkan melalui penurunan syer pasaran, jualan, keberuntungan, jumlah pengeluaran, kadar produktiviti dan pengurangan dalam penggajian dan upah.

Tarikh permulaan penyiasatan

6. Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa penyiasatan dimulakan pada 13 September 2020.

Tujuan penyiasatan

7. (1) Penyiasatan itu akan menentukan sama ada keluaran itu diimport ke dalam Malaysia dalam kuantiti yang meningkat, secara mutlak atau relatif kepada pengeluaran dalam negeri dan sama ada dalam keadaan itu, ia menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan yang serius kepada industri dalam negeri yang mengeluarkan keluaran serupa.

(2) Penyiasatan itu juga akan meneliti keperluan bagi langkah perlindungan sementara mengenai import keluaran itu ke dalam Malaysia sekiranya Kerajaan Malaysia membuat suatu penentuan awal afirmatif.

Soal selidik

8. (1) Bagi mendapatkan maklumat yang disifatkan perlu bagi penyiasatannya, Kerajaan Malaysia akan mengagihkan soal selidik kepada pihak berkepentingan yang telah disenaraikan oleh pempetisyen dalam petisyen.

(2) Pihak berkepentingan yang lain, sekiranya ada, boleh meminta suatu salinan soal selidik itu dengan mengenal pasti jenis aktiviti perniagaan mereka berhubung dengan penyiasatan itu.

Pengumpulan maklumat

9. Semua pihak berkepentingan diundang untuk memberikan pandangan mereka secara bertulis, khususnya dengan menjawab soal selidik yang dialamatkan kepada mereka dan dengan mengemukakan keterangan sokongan.

Had masa

10. (1) Mana-mana pihak berkepentingan lain yang berhasrat untuk meminta salinan soal selidik itu hendaklah berbuat demikian tidak lewat daripada lima belas hari dari tarikh penyiaran notis ini dalam *Warta*.

(2) Semua pihak berkepentingan hendaklah mengemukakan pandangan dan jawapan bagi soal selidik secara bertulis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyiaran notis ini dalam *Warta* jika pandangan dan pengemukaan jawapan itu hendak diambil kira semasa penyiasatan, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak berkepentingan dalam pandangan dan jawapan itu.

Pengemukaan maklumat, jawapan bagi soal selidik, permintaan dan surat-menyurat

11. (1) Semua maklumat, jawapan bagi soal selidik, permintaan dan surat-menyurat hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui pos, faksimili, e-mel atau serahan tangan dan dengan jelas menyatakan nama, alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan faksimili pihak berkepentingan itu kepada—

Pengarah

Seksyen Amalan Perdagangan

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Aras 9, Menara MITI

No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah

50480 Kuala Lumpur

Malaysia

Nombor telefon : (603) 6208 4632/4660/4639/4647

Nombor faksimili : (603) 6211 4429

Alamat e-mel : alltps@miti.gov.my

(2) Sekiranya pihak berkepentingan tidak memberikan maklumat yang perlu atau maklumat dan pandangan itu tidak diterima dalam bentuk yang mencukupi dalam had masa yang dinyatakan, Kerajaan Malaysia boleh membuat penentuan awal berdasarkan fakta dan maklumat yang ada.

Bertarikh 9 September 2020
[MITI.600-2/19/1; PN(PU2)647/VI]

DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri

SAFEGUARDS ACT 2006

NOTICE OF INITIATION OF SAFEGUARD INVESTIGATION FOR A PRELIMINARY
DETERMINATION WITH REGARD TO CERAMIC FLOOR AND WALL TILES PRODUCTS
IMPORTED INTO MALAYSIA

(SM 01/20)

WHEREAS, pursuant to paragraph 10(a) of the Safeguards Act 2006 [Act 657] and regulation 3 of the Safeguards Regulations 2007 [P.U. (A) 386/2007], the Government of Malaysia has received a petition requesting that a safeguard investigation be initiated and the petition has alleged that the increase in imports of ceramic floor and wall tiles products into Malaysia as described in paragraph 2 have caused serious injury to the domestic industry in Malaysia producing the like products:

NOW THEREFORE, the Government of Malaysia gives notice that the Government of Malaysia has decided to initiate a safeguard investigation for a preliminary determination be made in accordance with subsection 20(1) of the Safeguards Act 2006 (in this notice referred to as “investigation”).

Petition for initiation of investigation

1. The petition for initiation of an investigation was lodged by—

Federation of Malaysian Manufacturers – Malaysian Ceramic Industry Group
Wisma FMM
No. 3, Persiaran Dagang
PJU 9, Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur
Malaysia,

on behalf of the domestic industry in Malaysia producing the like products.

Products under investigation

2. The products under investigation are ceramic floor and wall tiles classified under the Harmonised System Code (“H.S. Code”) and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (“AHTN”) 6907.21.21 00, 6907.21.23 00, 6907.21.91 00, 6907.21.93 00, 6907.22.11 00, 6907.22.13 00, 6907.22.91 00, 6907.22.93 00, 6907.23.11 00, 6907.23.13 00, 6907.23.91 00 and 6907.23.93 00 (in this notice referred to as “products”). These H.S. Code Numbers and AHTN are given only for information and have no binding effect on the classification of the products.

Summary of increase in imports of products

<i>Period</i>	<i>Import (square metres (m²))</i>
1 January 2017 to 31 December 2017	27,943,593m ²
1 January 2018 to 31 December 2018	31,641,383m ²
1 January 2019 to 31 December 2019	29,247,916m ²

3. Imports of the products into Malaysia have increased 13.23% from 27,943,593m² for the period from 1 January 2017 to 31 December 2017 to 31,641,383m² for the period from 1 January 2018 to 31 December 2018 and have increased 4.67% from 31,641,383m² for the period from 1 January 2018 to 31 December 2018 to 29,247,916m² for the period from 1 January 2019 to 31 December 2019. In addition, the imports of the products have increased by 55.8% from 5,377,127m² in the first quarter of 2019 to 8,378,218m² in the fourth quarter of 2019.

<i>Period</i>	<i>1 January 2017 to 31 December 2017</i>	<i>1 January 2018 to 31 December 2018</i>	<i>1 January 2019 to 31 December 2019</i>
Domestic production (index)	100	95	74
Import (m ²)	27,943,593m ²	31,641,383m ²	29,247,916m ²
% relative imports to domestic production (index)	100	119	142

4. Imports of the products into Malaysia have relatively increased by 19 points for the period from 1 January 2017 to 31 December 2017 until the period from 1 January 2018 to 31 December 2018 and thereafter have increased by 42 points for the period from 1 January 2017 to 31 December 2017 until the period from 1 January 2019 to 31 December 2019. In contrast the domestic production index has decreased from 100 points for the period from 1 January 2017 to 31 December 2017 to 95 points for the period from 1 January 2018 to 31 December 2018. The domestic production index has also recorded a decrease of 74 points for the period from 1 January 2017 to 31 December 2017 until the period from 1 January 2019 to 31 December 2019.

Summary of allegation of serious injury factors

5. The petition submitted by the petitioner has shown that the increased imports of the products have caused serious injury to the domestic industry in Malaysia producing the like products as indicated in their declining market shares, sales, profitability, production volume, productivity rate and reduction in employment and wages.

Date of initiation of investigation

6. The Government of Malaysia has decided that an investigation be initiated on 13 September 2020.

Purpose of investigation

7. (1) The investigation will determine whether the products are being imported into Malaysia in such increased quantities, absolute or relative to domestic production and whether under such conditions, it causes or threatens to cause serious injury to the domestic industry that producing the like products.

(2) The investigation will also examine the need for a provisional safeguard measure with regard to the imports of the products into Malaysia if the Government of Malaysia makes an affirmative determination.

Questionnaires

8. (1) In order to obtain information deemed necessary for its investigation, the Government of Malaysia will distribute questionnaires to interested parties which have been listed by the petitioner in the petition.

(2) Other interested parties, if any, may request for a copy of the questionnaires by identifying the nature of their business activities in relation to the investigation.

Collection of information

9. All interested parties are invited to make their views known in writing, in particular by responding to the questionnaires addressed to them and by providing supporting evidence.

Time limit

10. (1) Any other interested party who wishes to request for a copy of the questionnaires shall do so not later than fifteen days from the date of publication of this notice in the *Gazette*.

(2) All interested parties shall submit their views and responses to the questionnaires in writing within thirty days from the date of publication of this notice in the *Gazette* if such views and submission of the responses are to be taken into consideration during the investigation, unless otherwise specified by the interested parties in the views and responses.

Submission of information, responses to questionnaires, requests and correspondence

11. (1) All information, responses to questionnaires, requests and correspondence shall be made in writing and sent by post, facsimile, e-mail or by hand and with clear indication of the name, address, e-mail address, telephone and facsimile numbers of the interested parties to—

Director
Trade Practices Section
Ministry of International Trade and Industry (MITI)
Level 9, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Telephone number : (603) 6208 4632/4660/4639/4647
Facsimile number : (603) 6211 4429
E-mail address : alltps@miti.gov.my

(2) If the interested parties do not provide the necessary information or the information and views are not received in adequate form within the specified time limit, the Government of Malaysia may make a preliminary determination on the basis of available facts and information.

Dated 9 September 2020
[MITI.600-2/19/1; PN(PU2)647/VI]

DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
Senior Minister of International Trade and Industry